AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : NASIONAL

# Program vaksinasi untuk pekerja industri bermula

**Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Ariff Abdul Karim**
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan sudah mengaktifkan Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kawalan wabak di kawasan industri dengan pemberian vaksin kepada pekerja industri yang beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin, berkata ia adalah keputusan bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) dengan satu Pusat Pemberian Vaksin (PPV) akan dibuka dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Program vaksinasi akan bermula 16 Jun dan selepas ini, ia akan dibuka kepada sektor lain, iaitu pembinaan, peladangan, peruncitan dan hospitaliti. Ia akan digerakkan secara berperingkat bagi memastikan setiap sektor dapat dilindungi," katanya.

Beliau yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata demkian pada sidang media Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba secara maya, semalam.

Nasional 3

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 2**
**RUANGAN : NASIONAL**

Penularan COVID-19

# Kes positif 7 hari turun 20 peratus

## KKM rekod 905 kes purata dirawat di ICU

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Ariff Abdul Karim
bhnews@bh.com.my




*Dr Adham bersama Khairy pada sidang media Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Purtajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan penurunan kira-kira 20 peratus kes positif COVID-19 sepanjang tujuh hari berakhir Sabtu lalu, berbanding minggu sebelumnya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata sebanyak 41,630 kes positif baharu dilaporkan sepanjang tempoh itu atau dirujuk sebagai minggu epid ke-22, manakala purata kes aktif pula sebanyak 81,461 berbanding minggu sebelumnya, iaitu pengurangan 0.6 peratus.

"Pengurangan kes ini dikesan bermula minggu epid ke-21. Jumlah kematian pada minggu epid ke-22 pula sebanyak 553 kes, iaitu pengurangan sebanyak 13.7 peratus berbanding minggu epid ke-21.

"KKM juga merekodkan 905 kes purata yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU), meningkat 3.9 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya pada sidang media Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) bersama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, secara maya, semalam.

Katanya, purata kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan juga meningkat 4.1 peratus atau 454 daripada kes yang dirawat di ICU setakat 12 Jun lalu, manakala penggunaan katil hospital untuk rawatan pesakit COVID-19 meningkat enam peratus iaitu sebanyak 11,542 digunakan di 101 hospital.

Setakat 12 Jun lalu juga, beliau memaklumkan, sebanyak 572,113 kes sudah sembuh sepenuhnya, iaitu 87.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes jangkitan COVID-19 di negara ini.

Sementara itu, Dr Adham berkata, sebanyak 629,894 ujian COVID-19 dilakukan sepanjang minggu epid ke-23 berbanding minggu sebelumnya, berkurangan sebanyak 11.7 peratus.

Mengenai kluster pula, beliau menjelaskan, sebanyak 2,462 kluster direkodkan setakat 12 Jun dengan 761 masih aktif dan sepanjang minggu epid ke-23, 154 kluster baharu dikesan dengan 107 atau 69.5 peratus adalah kluster berkaitan tempat kerja.

"Dalam tempoh 13 Mei hingga 10 Jun 2021, sebanyak 60 kluster berkaitan perayaan direkodkan, iaitu sebanyak 58 berkaitan Aidilfitri dan dua berkaitan Hari Gawai," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Adham berkata, bilangan pesakit COVID-19 kategori 4 dan 5 yang diperoleh daripada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) perkhidmatan hospital di seluruh negara menunjukkan trend peningkatan bermula April lalu.

Katanya, peningkatan itu adalah daripada 6,751 kes pada April kepada 30,287 kes pada Mei dan dijangka terus meningkat bulan ini memandangkan setakat kelmarin, terdapat 22,857 kes direkodkan di seluruh negara.

Pesakit kategori 4 adalah mereka yang memerlukan oksigen, manakala kategori 5 adalah pesakit yang memerlukan bantuan pernafasan.

Berikutan situasi itu, beliau berkata, kapasiti penggunaan katil di ICU kini mencapai 97 peratus daripada keseluruhan 1,767 katil ICU di seluruh negara, termasuk di hospital kerajaan dan hospital Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sementara itu, Dr Adham berkata, kerajaan menetapkan klinik dan pusat perubatan swasta menyediakan bil terperinci bagi penjualan perkhidmatan ujian COVID-19 sekiranya kos dikenakan melebihi harga siling setiap jenis ujian seperti ditetapkan KKM.

Harga siling ditetapkan bagi ujian saringan Tindak Balas Berantai Polimerase (RT-PCR) pada RM150, 'rapid molecular' yang membolehkan ujian diperoleh dengan pantas pada RM270, Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen pada RM60 dan ujian pantas mengesan antibodi pada RM50 di Semenanjung.

Di Sabah dan Sarawak pula, harga siling RT-PCR ditetapkan RM200, RM350 bagi ujian 'rapid molecular', RM80 bagi RTK Antigen dan RM70 bagi ujian pantas antibodi.

"Orang ramai boleh membuat aduan kepada CPRC dan Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) sekiranya klinik atau pusat perubatan swasta mengenakan harga tidak berpatutan untuk ujian saringan COVID-19," katanya.

Beliau juga memaklumkan, penyertaan pengamal perubatan swasta masih dibuka khususnya untuk berkhidmat di pusat saringan COVID-19 dan PPV mengikuti lokaliti berhampiran di seluruh negara, selaras pendekatan *whole of government, whole of society.*

"Ia diharap akan mempercepatkan lagi usaha kerajaan untuk memastikan pencapaian status imuniti kelompok dan seterusnya berjaya melandaikan keluk penularan pandemik COVID-19 di negara ini," katanya.

Katanya, pendaftaran boleh dibuat dengan melayari portal KKM di http://www.moh.gov.my - Iklan Pembelian Perkhidmatan Doktor Pakar Swasta dan Doktor Swasta Secara Kontrak Dalam Tempoh Penularan Wabak COVID-19.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NASIONAL**

Penularan COVID-19

# Kluster di tempat kerja bertambah

**12 kluster baharu dikesan semalam, sektor perkilangan catat kes tertinggi**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my



*Petugas Jabatan Kesihatan menunggu penduduk Kampung Wakaf Mempelam, Kuala Terengganu yang dikenakan PKPD untuk menjalankan ujian saringan COVID-19, semalam.* (Foto Ghazali Kori/BH)

**Putrajaya:** Kes penularan COVID-19 di tempat kerja terus mencatatkan peningkatan dengan keseluruhan 1,328 kluster dikesan, termasuk 12 kluster terbaru yang dikesan semalam.

Sehubungan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) berpendapat, prosedur operasi standard (SOP) di tempat kerja perlu dipertingkatkan kerana kluster dalam sektor berkenaan semakin bertambah.

Katanya, 624,246 individu dalam kluster itu sudah disaring setakat ini dan 147,040 kes positif COVID-19 dikesan dengan kadar positiviti sebanyak 23.6 peratus, kebanyakannya warga asing iaitu 100,086 orang atau 68 peratus berbanding rakyat tempatan seramai 46,954 atau 32 peratus.

"Sektor perkilangan melaporkan kes tertinggi dalam kluster tempat kerja, iaitu 95,156 kes yang membabitkan 639 kluster.

"Usaha berterusan majikan menjalankan ujian saringan ke atas pekerja amat dihargai sebagai langkah awal membendung penularan jangkitan di tempat kerja," katanya.

Dalam kenyataan semalam, Dr Noor Hisham berkata, KKM sudah menetapkan pelbagai garis panduan dan SOP seperti memastikan penjarakan fizikal serta mengehadkan jumlah pekerja untuk hadir bekerja, tetapi kesedaran mengenai kepentingan pelaksanaan SOP itu masih perlu dipertingkatkan.

"Masyarakat, khususnya majikan dan pekerja perlu sedar kepatuhan kepada SOP adalah untuk kebaikan mereka juga. Kelekaan inilah yang banyak mengundang peningkatan kes terutama di tempat kerja.

"Justeru, KKM berpendapat penguatkuasaan SOP di tempat kerja wajar dipertingkatkan dalam usaha untuk terus mengekang jangkitan COVID-19 khususnya melibatkan kluster di tempat kerja," katanya.

Mengenai 17 kluster baharu dikesan semalam, beliau berkata, 12 membabitkan kluster tempat kerja, empat dalam kalangan komuniti dan satu membabitkan kumpulan berisiko tinggi.

Katanya, jangkitan kes semalam adalah 4,949 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 6662,4257 dengan Selangor kekal mencatatkan kes tertinggi, iaitu 1,523, diikuti Sarawak (744), Kuala Lumpur (503), Johor (430), Negeri Sembilan (323), Sabah (273), Pulau Pinang (214) dan Kelantan (214).

"Sehingga kini ada sebanyak 71,625 kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 di negara ini dan daripada jumlah itu, 921 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 459 masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan, daripada 60 kes kematian membabitkan pesakit berusia 34 hingga 98 tahun dilaporkan semalam, 58 membabitkan rakyat tempatan dan selebihnya warga asing, manakala jumlah kes sembuh pula sebanyak 6,588 pesakit.

# Malaysia terima 1,333,800 lagi dos vaksin Pfizer

*Dari Muka 1*

Katanya, peningkatan kes harian serta kluster membabitkan tempat kerja menyaksikan keputusan kerajaan menyegerakan pelaksanaan fasa empat PICK itu untuk kawalan wabak dalam sektor kritikal yang menjadi asas dan tulang belakang pembangunan ekonomi negara.

"Tindakan ini penting untuk kita mengimbangkan hidup dan kehidupan.

"Jika kita lihat data kes harian COVID-19, semalam (kelmarin) 11 kluster baharu dikesan di tempat kerja daripada 15 kluster baharu keseluruhan yang membabitkan bilangan kes baharu hampir 200 kes," katanya.

Sementara itu, beliau memaklumkan, Malaysia dijadualkan menerima bekalan vaksin Pfizer-BioNTech membabitkan 1,333,800 dos lagi untuk diagihkan pada minggu ini hingga awal bulan depan, dengan 444,600 dos atau 33.33 peratus diagihkan mulai hari ini hingga 18 Jun.

Seterusnya, Khairy berkata, dua lagi kuantiti dos vaksin yang sama, masing-masing dijadual diagihkan pada 23 hingga 25 Jun dan 30 Jun hingga 2 Julai.

"Mengikut data setakat semalam (kelmarin), pendaftaran bagi fasa kedua PICK telah mencapai 4,531,790 individu dengan 2,458,432 warga emas.

"Hingga 18 Jun ini, jumlah penerima vaksin yang mendapat serta dijadualkan janji temu daripada fasa kedua adalah 2,437,168 individu.

"Bilangan warga emas yang menerima vaksin pula 1,231,177 orang. Kadar keseluruhan vaksinasi negara terus meningkat dan tidak banyak menurun pada hujung minggu lalu di mana ia masih mencatatkan rekod 100,000 dos ke atas dalam tempoh sehari.

"Purata vaksin diberi bagi tempoh antara 7 hingga 13 Jun lalu adalah 130,842 dos sehari, iaitu meningkat 94,481 dos sehari berbanding minggu sebelumnya," katanya.

Berdasarkan perangkaan semasa, beliau berkata, sebanyak 5,955,092 dos vaksin diedarkan ke seluruh negara dengan 61 peratus atau 3,632,850 dos adalah keluaran Pfizer, 1,674,142 dos Coronavac atau Sinovac, manakala vaksin AstraZeneca pula dengan 648,100 dos.

Lima negeri tertinggi dalam pengedaran vaksin ialah Kuala Lumpur dan Putrajaya membabitkan 902,690 dos atau 15.15 peratus daripada keseluruhan pengagihan, Selangor (898,230/ 15.08 peratus), Sarawak (697,736/ 11.71 peratus), Johor (547,280/ 9.19 peratus) dan Sabah (503,590/ 8.46 peratus.

Dalam perkembangan berkaitan, Khairy memaklumkan, kira-kira 250 dos vaksin sudah diberikan kepada petugas media di seluruh negara sejak golongan ditakrifkan sebagai petugas barisan hadapan itu mula diberi suntikan pelalian pada Rabu lalu.

Katanya, prestasi pemberian suntikan vaksin untuk petugas media ketika ini berada pada tahap lima peratus daripada keseluruhan 5,000 nama yang disenaraikan dan diberikan kepada CITF.

Beliau menjelaskan, CITF juga dalam proses memberikan janji temu kepada petugas dalam senarai berkenaan, termasuk mereka yang akan membuat liputan ke Sukan Olimpik Tokyo pada penghujung bulan depan.

"Hari ini (semalam) kita mula beri vaksin kepada lebih 38 petugas media daripada 47 agensi tempatan dan antarabangsa yang akan buat liputan di Sukan Olimpik Tokyo untuk suntikan dos pertama di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEV) dengan bantuan Persatuan Penulis Sukan Malaysia (SAM).

"Selebihnya bagi petugas yang mendapat suntikan dos pertama seperti AstraZeneca, CITF akan mengatur janji temu dos kedua mereka supaya mereka sempat melengkapkan perlindungan sebelum berlepas pada bulan depan," katanya.

Khairy berkata, sebanyak 700 janji temu setakat ini diberikan kepada petugas media di seluruh negara untuk menerima suntikan dos pertama vaksinasi COVID-19 dan CITF akan mengeluarkan lebih banyak janji temu dalam minggu ini, berbanding 1,500 yang dijanjikan pada Rabu lalu.

"CITF perlu mengimbangi keperluan vaksinasi buat rakan media kita dengan keperluan imunisasi untuk warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan golongan komorbid yang turut diutamakan pada fasa kedua PICK," katanya.

**Terkini COVID-19**

| | |
|---|---|
| 6,588 | Pulih, dibenar keluar hospital, semalam |
| 4,949 | Kes baharu disahkan, semalam |
| 3,968 | Jumlah kematian dicatat |
| 662,457 | Jumlah kes disahkan positif |
| 71,625 | Kes yang masih dirawat |

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Ujian Ivermectin tumpu golongan berisiko tinggi

## Pengambilan secara sendiri produk tidak berdaftar NPRA satu kesalahan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ujian klinikal bagi mengkaji kesan penggunaan dan keberkesanan Ivermectin dalam merawat pesakit COVID-19 hanya tertumpu kepada golongan berisiko tinggi berusia 50 tahun ke atas dan sekurang-kurangnya mempunyai satu penyakit kronik.

Penyelidik utama bagi percubaan kinikal (I-Tech Study), Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Dr Steven Lim, berkata Ivermectin akan diberikan pada minggu pertama pesakit dimasukkan ke hospital bagi melihat sama ada ia mampu menyekat perkembangan virus dan mencegah penyakit daripada menjadi semakin serius.

"Pesakit COVID-19 yang mempunyai komorbid seperti penyakit darah tinggi, kencing manis, sakit jantung dan buah pinggang, kemungkinan penyakit mereka berisiko ke peringkat yang lebih serius.

"Melalui ujian klinikal ini, kita akan melihat perkembangan pesakit sama ada kesihatan mereka akan merosot atau tidak.

"Kita juga akan melihat keberkesanan dari segi pencegahan kematian (akibat COVID-19) dan pengurangan tempoh duduk di hospital serta unit rawatan rapi (ICU)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemu bual pada program *Selamat Pagi Malaysia*, yang membincangkan topik 'COVID-19: Usaha Kajian Klinikal Keberkesanan Ivermectin' di RTM, semalam.

Panel lain ialah Pengarah Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), Institut Kesihatan Negara (NIH), Dr Kalaiarasu M Peariasamy.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, Kementerian Kesihatan (KKM) dan ICR pada 31 Mei lalu memulakan ujian klinikal bagi Ivermectin untuk merawat pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi di 12 hospital di bawah kementerian itu.

Ivermectin iaitu sejenis ubat antiparasit yang diluluskan Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan (FDA) digunakan secara meluas bagi merawat beberapa penyakit tropika terabai termasuk onchocerciasis, strongyloidiasis dan helminthiases.

Katanya, FDA tidak meluluskan penggunaan Ivermectin bagi merawat dan mencegah COVID-19 ke atas manusia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) hanya mengesyorkan penggunaan ubat itu dalam ujian klinikal, yang mana pesakit perlu dipantau dengan teliti oleh doktor pakar serta penyelidik berpengalaman.

Mengulas lanjut, Dr Steven yang juga pakar penyakit berjangkit berkata, ujian klinikal bagi Ivermectin itu tidak membabitkan pesakit berisiko rendah kerana golongan berkenaan boleh sembuh sendiri tanpa rawatan.

Ditanya kemungkinan Ivermectin lebih berkesan berbanding ubat anti virus lain yang digunakan dalam merawat COVID-19, beliau berkata, kajian terperinci perlu dijalankan untuk memastikan keberkesanannya dan digunakan dalam persekitaran yang sihat serta selamat untuk pesakit.

"Kita pernah guna semula banyak ubat yang bukan dicipta untuk COVID-19 sebelum ini, antaranya Hydroxychloroquine yang digunakan pada fasa awal COVID-19 tahun lalu.

"Kajian peringkat makmal menunjukkan ubat ini ada aktiviti terhadap virus SARS-CoV tetapi apabila digunakan secara klinikal di hospital, ujian menunjukkan ia tidak berkesan, malah ada kesan sampingan.

"Jadi, kita perlu berhati-hati untuk mengguna semula ubat yang kita harap ada kesan positif terhadap COVID-19 ini," katanya.

Sementara itu, Dr Kalaiarasu berkata, pengambilan Ivermectin secara sendiri adalah satu kesalahan di bawah undang-undang kerana produk itu tidak berdaftar dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) untuk kegunaan manusia.

"Kita tidak dapat pastikan kesan sampingan dan ketoksikan yang boleh berlaku kerana tidak ada kawalan. Ini satu kesalahan dan seseorang itu boleh didakwa di bawah akta berkaitan.

"Kita perlu pastikan, apabila kita memperoleh sesuatu ubat, ia berdaftar dan diberi oleh mereka yang berdaftar seperti doktor atau pun dibeli di farmasi berdaftar," katanya.

Ditanya kaedah pemberian ubat anti virus kepada pesakit COVID-19 supaya mereka tidak berdepan masalah rintangan ubat dan replikasi virus selepas pemberian ubat itu berakhir, Dr Kalaiarasu berkata, penggunaannya perlu sentiasa terkawal.

"Melalui ujian klinikal ini, kita akan melihat perkembangan pesakit sama ada kesihatan mereka akan merosot atau tidak"



*Dr Steven Lim, Penyelidik utama bagi percubaan kinikal (I-Tech Study), Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh*

"Kita tidak dapat pastikan kesan sampingan dan ketoksikan yang boleh berlaku kerana tidak ada kawalan"



*Dr Kalaiarasu M Peariasamy, Pengarah Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), Institut Kesihatan Negara*

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

# Kadar penyembuhan jangkitan virus hepatitis C kronik 97 peratus

**Kuala Lumpur:** Kadar penyembuhan jangkitan virus hepatitis C (HCV) kronik dalam kalangan orang dewasa berada pada tahap 97 peratus.

Ia dibuktikan menerusi ujian klinikal label terbuka untuk menilai tahap keberkesanan, keselamatan dan farmakokinetik kombinasi ravidasvir dan sofosbuvir (STORM-C-1) di Malaysia dan Thailand.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kadar penyembuhan sama turut dikenal pasti bagi pesakit genotip jenis 3 virus itu yang sangat sukar diubati.

Beliau berkata, STORM-C-1 itu ditaja Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Thailand serta Inisiatif bagi Ubat untuk Penyakit Diabaikan (DNDi), selain hasilnya diterbitkan dalam jurnal The Lancet Gastroenterology & Hepatology, April lalu.

"Kombinasi rawatan baharu HCV ini adalah pilihan tambahan mampu milik bagi jutaan orang yang menunggu akses rawatan untuk menyelamatkan nyawa di negara berpendapatan sederhana, selain ia selamat dan berkesan.

"Tiada interaksi ubat-ubatan signifikan dilihat secara klinikal dengan antiretrovirus yang biasanya digunakan untuk mengubati HIV.

"Ia menjadikan kombinasi baharu ini sangat bermanfaat kepada doktor," katanya pada sidang media rawatan hepatitis C yang julung kali dibangunkan melalui kerjasama Selatan-Selatan dan ubat pertama didaftarkan di Malaysia secara maya, semalam.

Ujian klinikal Fasa III oleh Pharco Pharmaceuticals Inc di Mesir, mendapati kombinasi berkenaan menunjukkan kadar penyembuhan hingga 100 peratus dalam kalangan pesakit HCV genetik jenis 4 (genotip 4) virus itu.

HCV direkodkan menjangkiti kira-kira 58 juta orang di seluruh dunia dan boleh menyebabkan penyakit hati kronik, sirosis (keradangan kronik merosakkan struktur normal organ), barah, dan kematian.

Namun, sehingga kini, kira-kira 13 peratus daripada angka itu yang mendapat rawatan, selain penyakit terbabit menyebabkan 300,000 kematian setahun.

Malaysia sebelum ini dilapor menjadi negara pertama di dunia meluluskan penggunaan tablet Ravidasvir secara kombinasi dengan ubat lain bagi merawat jangkitan HCV kronik dalam kalangan orang dewasa.

Kelulusan pendaftaran bersyarat produk dikilangkan Doppel Farmaceutici SRL, Itali itu diberi Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Malaysia, pada 4 Jun lalu.

Mengenai kerjasama itu, Dr Noor Hisham berkata, ia dibentuk bagi mengatasi antara cabaran dihadapi kesihatan awam, iaitu kekurangan akses kepada antivirus tindakan terus (DAA) generasi baharu rawatan HCV mampu milik untuk menyembuhkan pesakit antara tiga hingga enam bulan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19

# Kes positif catat penurunan - KKM

**572,113**
Kes sembuh sepenuhnya setakat 12 Jun lalu

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan penurunan kira-kira 20 peratus kes positif sepanjang tujuh hari minggu epid ke-23 berakhir Sabtu lalu, berbanding minggu epid sebelumnya.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sebanyak 41,630 kes positif baharu dilaporkan sepanjang tempoh itu.

Katanya, purata kes aktif pula direkodkan 81,461 berbanding minggu lalu iaitu pengurangan 0.6 peratus.

"Pengurangan kes ini dikesan bermula minggu epid ke-21 hingga ke-23. Kes kematian pula mencatatkan sebanyak 553 kematian, iaitu pengurangan sebanyak 13.7 peratus berbanding minggu epid ke-21, dengan purata kematian harian sebanyak 79 kes.

"KKM juga merekodkan 905 kes purata yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), meningkat 3.9 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya pada sidang media Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin.

Dr Adham berkata, purata kes yang memerlukan alat bantuan pernafasan juga turut meningkat 4.1 peratus atau 454 daripada kes yang dirawat di ICU setakat 12 Jun lalu.

Beliau berkata, KKM merekodkan peningkatan 6 peratus penggunaan katil hospital untuk rawatan pesakit Covid-19 iaitu sebanyak 11,542 digunakan di 101 hospital termasuk hospital pengajar dan tentera.

Katanya, setakat 12 Jun lalu, sebanyak 572,113 kes sudah sembuh sepenuhnya, iaitu 87.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes jangkitan Covid-19 di negara ini.

Sementara itu, 629,894 ujian Covid-19 dilakukan sepanjang minggu epid ke-23 berbanding minggu sebelumnya, pengurangan sebanyak 11.7 peratus.

Dr Adham berkata, dari segi kadar positiviti, KKM melaporkan sebanyak 6.6 peratus iaitu pengurangan 0.7 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Beliau berkata, 2,462 kluster direkodkan setakat 12 Jun dengan 761 masih aktif.

"Sepanjang tujuh hari minggu epid ke-23, 154 kluster baharu dikesan dengan 107 (69.5 peratus) berkaitan tempat kerja.

"Bermula 13 Mei hingga 10 Jun 2021, sebanyak 60 kluster berkaitan perayaan direkodkan iaitu sebanyak 58 berkaitan Aidilfitri dan dua berkaitan Hari Gawai," katanya.

# Kes baharu catat penurunan semalam

**Kuala Lumpur:** Kes baharu Covid-19 menunjukkan penurunan apabila 4,949 kes dicatatkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan 662,457 kes selain 71,625 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, enam kes import dilaporkan manakala 4,943 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,532 kes diikuti Sarawak (744 kes) dan Kuala Lumpur (503 kes).

"Terdapat 921 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi dengan 459 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 6,588 kes dilaporkan pulih semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 586,864 kes atau 88.59 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat 60 kematian dilaporkan membabitkan 58 warga tempatan serta dua warga asing berusia antara 34 hingga 98 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kronik," katanya.

**60 kematian dilaporkan babit 58 warga tempatan serta dua warga asing**

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kali terakhir jangkitan harian sekitar angka 4,000 pada 18 Mei lalu

# Kes harian turun bawah 5,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 mula menunjukkan keberkesanan apabila kes harian dilihat semakin menurun dengan semalam sebanyak 4,949 kes dilaporkan.

Kali terakhir kes harian merekodkan angka di bawah 5,000 ialah pada 18 Mei dengan 4,865 kes.

Dalam masa sama, pesakit aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 pula merekodkan sebanyak 71,625 kes termasuk 921 kes positif sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), manakala 459 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Angka kes sembuh pula kekal mengatasi kes harian sejak lebih seminggu lalu dengan 6,588 kes menjadikan jumlah pesakit sembuh sepenuhnya sebanyak 586,864 kes.

Terdapat 60 kes kematian termasuk melibatkan dua warga asing dengan mangsa berusia antara 34 hingga 98 tahun, menjadikan angka kes kematian di Malaysia mencecah 3,968 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu semalam, Selangor melaporkan sebanyak 1,523 kes, diikuti Sarawak dengan 744 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 503 kes.

"Seterusnya, Johor (430 kes), Negeri Sembilan (323 kes), Sabah (273 kes), Pulau Pinang dan Kelantan (masing-masing 214 kes), Kedah (199 kes), Perak (136 kes), Melaka (119 kes) dan Labuan (113 kes).

"Terengganu pula dengan 86 kes, Pahang sebanyak 61 kes, manakala Putrajaya dengan 10 kes dan Perlis merekodkan satu kes," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, terdapat 17 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 12 kluster tempat kerja, empat kluster komuniti dan satu kluster kumpulan berisiko tinggi.

"Kluster tersebut ialah Kluster Industri Sungai Pinang Lapan (75 kes), Kluster Industri Persiaran Usahawan Tiga (57), Kluster Industri Subang Tujuh (37), Kluster Industri Jalan Makmur (26) dan Kluster Industri Jalan Tengah Empat (11).

"Selain itu, Kluster Perindustrian Bakri Lima (70), Kluster Jalan Aik Hwa Choon (30), Kluster Walit Agas (25), Kluster Jalan Minyak Beku (15), Kluster Batu Empat Tunjong (29) dan Kluster Industri 5084 Pengkalan Chepa (12)," katanya.

Ujarnya, selebihnya ialah Kluster Tapak Bina Persiaran Pertahanan (115), Kluster Sungai Sentebu (48), Kluster Ulu Sangan (12), Kluster Kampung Berangan Apam (lapan), Kluster Kampung Senggang (18) dan Kluster Jalan Bukit Delima (28).



**PETUGAS kesihatan memberi suntikan vaksin kepada penduduk pada Program Outreach Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) secara mobil di Kuala Pilah semalam.** – IZZAT TERMIZIE

**COVID-19**

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 4,949 |
| Import: | 6 |
| Tempatan: | 4,943 |
| Pulih | 6,588 |
| Kematian | 60 |
| Masih dirawat | 71,625 |
| Jumlah kes sembuh | 586,864 |
| Jumlah Kematian | 3,968 |
| Jumlah kes keseluruhan | 662,457 |

# Kes menurun di Kelantan, dua PKRC bakal ditutup sementara

**KOTA BHARU** – Dua buah Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) akan menghentikan kemasukan pesakit Covid-19 buat sementara waktu susulan penurunan kes jangkitan di Kelantan ketika ini.

Pengarah PKRC Kelantan, Dr. Mohd. Zurairie Mohd. Zubir berkata, dua buah PKPC itu adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampung Laut, Tumpat yang kini sedang merawat 120 orang pesakit dan SMK Salor di sini pula seramai 80 orang.

Katanya, keputusan untuk menghentikan kemasukan pesakit itu dilakukan selepas melihat penurunan kes Covid-19 sekali gus menyebabkan tidak ramai pesakit ditempatkan di PKRC.

"Bermula hari ini (semalam), kita tidak akan menerima pesakit di kedua-dua PKRC itu. Selepas 200 pesakit di PKRC sembuh, kita akan menutup sementara pusat kuarantin itu.

"Bagaimanapun, kedua-dua PKRC itu diletakkan pada status siap sedia atau *standby mode* sekiranya berlaku semula peningkatan kes," katanya selepas mengadakan lawatan di PKRC Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, di sini semalam.

Mengulas lanjut, menurut Zurairie, setakat ini, Kelantan mempunyai sebanyak 16 PKRC dan kemasukan pesakit agak terkawal memandangkan kes semakin menurun.

"Dianggarkan seramai 1,330 pesakit ditempatkan di kesemua PKRC di negeri ini. Penggunaan katil di PKRC Kelantan turut menunjukkan penurunan apabila hanya 60 hingga 70 peratus daripada kapasiti penuh pusat kuarantin," tambahnya.



**ZURAIRIE (kanan) memantau keadaan pesakit yang ditempatkan di PKRC Kampus USM, Kubang Kerian semalam.**

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

# Kit ujian air liur akan dijual tak lama lagi

**PUTRAJAYA** – Penggunaan kit ujian air liur bagi saringan awal wabak Covid-19 secara kendiri masih belum boleh dilaksanakan di negara ini walaupun sudah meluas digunakan di makmal.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kit berkenaan juga perlu lagi melalui siri proses penilaian ketat oleh pihak berwajib sebelum diberikan kelulusan untuk pemasaran.

"Perkara ini saya akan umumkan dalam masa terdekat dan buat masa sekarang, kit ini boleh dipakai dalam makmal dengan pemantauan kalangan petugas terlatih sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang turut disertai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar di sini semalam.

Terdahulu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah pada 8 Mei lalu telah memaklumkan ada dua syarikat menawarkan kit ujian itu untuk dijual di farmasi tempatan.

Dua jenis peranti berbeza itu akan membolehkan masyarakat membuat saringan secara kendiri tanpa perlu lagi pergi ke pusat ujian kerana masalah jarak dan kekangan masa terhad.

Namun, pada 27 Mei lalu, Dr. Adham menegaskan bahawa kit tersebut belum dapat dipasarkan meskipun pengeluarnya itu mendakwa ada kelulusan Persatuan Peranti Perubatan Malaysia.

Memetik laporan *Daily Mail*, syarikat berasaskan kesihatan dan kecantikan, Superdrug menjual kit ujian Covid-19 menggunakan air liur yang didapati sama tepat seperti ujian calitan yang digunakan pihak kerajaan pada harga 120 pound (RM679).



**KIT ujian pengumpulan sampel air liur yang boleh digunakan untuk mengesan Covid-19.** – GAMBAR HIASAN



**SEORANG petugas kesihatan menunjukkan vaksin Pfizer-BioNTech di Klinik Kesihatan Presint 11, Putrajaya baru-baru ini.** – GAMBAR HIASAN

Bekalan vaksin itu dijangka tiba minggu ini

# Malaysia terima 1,333,800 dos Pfizer

**Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**

**PUTRAJAYA** – Malaysia akan menerima 1,333,800 lagi dos vaksin jenis Pfizer minggu ini bagi keperluan dos kepada penerima sehingga awal Julai ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, daripada jumlah itu, 444,600 dos akan diagihkan pada 16 hingga 18 Jun, manakala 444,600 dos pada 23 hingga 25 Jun dan 444,600 dos pada 30 Jun hingga 2 Julai.

Beliau berkata, setakat ini, sebanyak 5,955,092 dos vaksin sudah diedarkan ke seluruh negara iaitu 1,674,142 dos Sinovac, Pfizer (3,632,850 dos) dan AstraZeneca (648,100 dos).

"Lima negeri tertinggi dalam pengedaran vaksin adalah Kuala Lumpur dan Putrajaya diikuti Selangor, Sarawak, Johor dan Sabah," katanya pada sidang akhbar mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) semalam.

Katanya, setakat ini bilangan rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas yang sudah mendaftar bagi mendapatkan vaksin adalah seramai 13,789,736 iaitu mewakili 58.9 peratus.

Khairy Jamaluddin berkata, setakat ini juga, sebanyak 4,774,418 janji temu telah diberikan kepada penerima vaksin.

"Bilangan yang telah divaksinasi dos pertama setakat hari ini (semalam) adalah 3,132,304 dan mereka yang sudah lengkap dua dos pula adalah 1,357,966.

"Selain itu, seramai 2,458,432 warga emas berjaya mendaftar bagi mendapatkan vaksin bagi Fasa 2 PICK ini," katanya.

Katanya, secara keseluruhan, kadar vaksinasi negara terus meningkat dan tidak banyak menurun sejak akhir minggu lalu iaitu sekitar 100,000 dos sehari.

Jelas Khairy Jamaluddin, purata dos yang diberi pada minggu lalu iaitu antara 7 hingga 13 Jun adalah 130,842 dos sehari dan ia adalah peningkatan daripada 94,481 dos sehari pada minggu sebelumnya.

# Hampir 70 peratus kluster tempat kerja dicatat minggu lalu

**PUTRAJAYA** – Sebahagian besar daripada 154 kluster baharu kes positif Covid-18 yang direkodkan sepanjang minggu lalu melibatkan mereka dijangkiti di tempat kerja sendiri.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, 107 kluster tempat kerja dicatatkan sepanjang minggu epidemiologi ke-23 berbanding 92 kluster dilaporkan sebelumnya itu.

"Ia mewakili 69.5 peratus diikuti 32 kluster komuniti, enam kluster grup berisiko tinggi serta masing-masing tiga kluster institusi pendidikan, keagamaan dan pusat tahanan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang turut disertai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin di sini semalam.

Dalam masa sama, ujar Adham, sebanyak 60 kluster berkaitan perayaan direkodkan dari 13 Mei hingga 10 Jun lalu di seluruh negara kecuali Perlis dan Putrajaya.

Katanya, ia membabitkan 58 kluster Hari Raya Aidilfitri dan baki dua lagi Hari Gawai dengan Sabah paling tinggi iaitu 11 kluster tersebut diikuti Sarawak (lapan) dan Kedah (tujuh).

Menyentuh PICK yang dilancarkan sejak akhir Februari lalu, beliau memaklumkan bahawa kesan mudarat akibat vaksin berkenaan hanya merekodkan 29.3 daripada setiap 1,000 dos.

"Sehingga 12 Jun lalu, Agensi Regulatori Farmaseutikal Nasional (NPRA) menerima banyak laporan kesan sampingan antaranya kebas di tempat suntikan dan sakit kepala," katanya.

Bagaimanapun, ujarnya, hanya 0.09 daripada setiap 1,000 dos vaksin yang diklasifikasikan sebagai amat serius dan perlu segera dimasukkan ke hospital bagi menerima rawatan lanjut.

Jelas beliau, sebilangan besar mereka pula hanya bersifat kemasukan jangka pendek serta boleh discaj dari wad setelah mendapatkan pemerhatian susulan dan rawatan bersesuaian.

Kata Adham, mereka yang mengalami kesan berkenaan boleh memohon Tabung Mudarat Vaksinasi yang diwujudkan khas oleh pihak kerajaan termasuk sekiranya ada kes kematian.

Namun, tambahnya, penilaian akan dibuat terlebih dahulu oleh tiga peringkat jawatankuasa iaitu induk, teknikal dan farmakovigilans bagi memastikan ia memang berpunca akibat vaksin.

"Pihak NPRA juga sentiasa melakukan pemantauan teliti ke atas semua vaksin Covid-19 yang berdaftar dalam PICK agar imunisasi dilakukan selamat untuk rakyat Malaysia," tegas beliau.

Sepanjang minggu lalu, sebanyak 786,982 dos dilaksanakan dengan secara purata 112,426 dos setiap hari iaitu menokok 26 peratus berbanding minggu epidemiologi ke-22 sebelumnya.

Dari segi pendaftaran baharu pula menyaksikan 1,064,635 individu pada minggu lalu atau purata 151,091 individu setiap hari iaitu melonjak 47 peratus daripada minggu sebelum itu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

SOP sekatan pergerakan fasa kedua tetap ketat kerana kes harian masih tinggi

# 'Nilai risiko 4 tahap sebelum longgar'

Oleh AMREE AHMAD

**PUTRAJAYA** – Prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 hanya boleh dilonggarkan berdasarkan matrik risiko semasa yang mengandungi empat tahap.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, SOP sekatan pergerakan penuh fasa kedua yang bermula esok belum boleh dilonggarkan kerana kes harian Covid-19 masih tinggi.

"Jika kes lebih 8,000 sehari, SOP tentu akan jadi lebih ketat, namun ketika ini seluruh negara catat di bawah 8,000 sehingga 4,000 kes sehari, iaitu tahap kita berada sekarang.

"Kementerian Kesihatan akan bentang matrik risiko dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara dan penilaian itu dilihat dengan ambil kira pelbagai skop tertentu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mingguan Pasukan Petugas Imunisasi Covid-19 (CITF) ketika ditanya berhubung kemungkinan SOP fasa kedua PKP 3.0 akan dilonggarkan.


Longgar SOP jika kes bawah 4,000

KERATAN *Kosmo!* semalam.

Ia susulan kenyataan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Johor semalam bahawa SOP boleh dikaji semula jika kes harian kurang 4,000 sehari.

Adham berkata, penurunan jangkitan berdasarkan insiden penularan semasa, kadar kematian dan kebolehjangkitan serta respons tenaga kerja dan keupayaan operasi hospital.

Setakat minggu epidemiologi ke-23, katanya, kes aktif hanya mencatatkan penurunan 0.6 peratus, manakala kematian pula merosot 13.7 peratus atau secara purata 79 maut setiap hari.

Namun ujarnya, kes pesakit Covid-19 di unit rawatan rapi (ICU) naik 3.9 peratus berbanding minggu epidemiologi ke-22 dan yang memerlukan bantuan pernafasan juga naik 4.1 peratus.

"Begitu juga ujian saringan wabak itu di seluruh negara pada minggu lalu merekodkan penurunan ketara 11.7 peratus dengan Selangor paling banyak melakukannya iaitu 148,141.

"Semua bacaan matrik risiko itu akan bantu dalam perancangan kesiapsiagaan dan tindakan berkaitan kesihatan awam dan penyelarasan kapasiti vaksinasi ke atas rakyat," kata Dr. Adham.

Indikator itu turut berpandukan garis panduan yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dengan Malaysia pada ketika ini masih lagi di tahap 4 iaitu paras insiden amat tinggi.

Tambah beliau, berdasarkan senario semasa kadar kebolehjangkitan komuniti peringkat nasional, paras itu menokok sejak 49 hari lalu iaitu bermula pada minggu epidemiologi ke-16.




DR. ADHAM (kiri) pada sidang akhbar mingguan CITF bersama Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin Abu Bakar di Putrajaya semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

# Fasa Empat PICK diaktifkan

Digerakkan untuk industri supaya kluster tempat kerja dapat dikawal

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kerajaan telah mengaktifkan Fasa Empat Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) kawalan wabak sektor industri.

Menteri Penyelarasnya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, keputusan itu dibuat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) bagi mengekang jangkitan Covid-19.

"Fasa empat kawalan wabak perlu digerakkan secepat mungkin dalam kalangan industri agar kluster tempat kerja dapat dikawal," katanya pada sidang akhbar mingguan perkembangan PICK bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba yang diadakan secara maya pada Isnin.

Menurutnya, sebagai permulaan, sektor industri yang dibenarkan beroperasi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) akan diberikan keutamaan.

"Pusat Pemberian Vaksin (PPV) industri akan dibuka pada 16 Jun dan akan diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)," katanya.

Beliau berkata, PPV industri akan dilakukan secara berperingkat mengikut sektor.

"Selepas itu, ia akan dibuka kepada sektor lain seperti pembinaan, perladangan, peruncitan dan hospitaliti," kata beliau.

Sebelum ini, Khairy Jamaluddin berkata, fasa keempat akan melibatkan sektor ekonomi kritikal, termasuk yang perlu beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Antara industri yang akan terbabit dalam fasa itu adalah dari sektor pembuatan, eksport, logistik, pengangkutan, tenaga dan utiliti.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Sementara itu, Khairy Jamaluddin berkata, kadar keseluruhan vaksinasi negara di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan merekodkan lebih 100,000 dos sehari.

Beliau berkata, purata dos yang diberi pada minggu lepas iaitu antara 7 hingga 13 Jun adalah 130,842 dos sehari dan ini merupakan peningkatan daripada purata 94,481 dos sehari pada minggu sebelumnya.

Dalam perkembangan sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu berkata, lebih 700 pengamal media telah menerima janji temu suntikan vaksin masing-masing.

"Ia adalah sebahagian daripada lebih 5,000 senarai nama pengamal media yang diterima," katanya.

